

Majlis Penasihat Islam Singapura Menjawab Qalam

Ini ialah surat Majlis Penasihat Islam Singapura menjawab rencana pengarang Qalam bilangan 146 yang lalu. Kita siarkan dengan sepenuhnya seperti berikut:

Yang mulia pengarang majalah Qalam,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Rencana pengarang yang tersiar di majalah tuan “Qalam”

bilangan 146 keluaran bulan September 1962 telah dibaca

di mesyuarat Majlis Penasihat Islam yang telah bersidang

pada hari Rabu 3 Oktober 1962. Sungguh kata-kata dan

kandungan rencana tersebut telah memerlukan anggota-anggota

Majlis, kerana tidak menepati kenyataan dan apa yang

sebenarnya berlaku, disamping tuduhan-tuduhan palsu dan

penghinaan-penghinaan yang terlalu yang telah dihadapkan kepada anggota-anggota

Majlis. Majalah tuan bercorak agama dari itu sudah

sewajibnya menjalankan ajaran-ajaran agama kita yang maha suci

apabila memberi nasihat, mengkritik dan berbahas. Allah

Subḥānahu Wa Ta’ālā telah menyuruh Rasul-Nya yang mulia supaya

menjalankan seruan sekalipun kepada orang-orang musyrik

dengan hikmah bijaksana dan nasihat yang baik dan telah

menyuruhnya berbahas dengan mereka dengan jalan yang sebaik-baiknya,

firman Allah “*‘ud‘u ilā sabīli rabbika bi al-hikmati*

wa al-maw‘izati al-ḥasanati wa jādilhum bi al-latīhiya ‘ahsan.”

yang bermakna “Wahai Muhammad jalankan seruanmu kepada jalan

Allah dengan hikmah, bijaksana dan nasihat yang baik dan

berbahaslah kamu dengan mereka dengan jalan yang.

sudah tentu tuan jauh kurang darjah beribu-beribu kali

daripada Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, dan orang-orang

Islam anggota majlis lebih baik beribu-ribu kali daripada

orang-orang musyrikin. Apakah lagi jika seseorang Islam

memberi nasihat atau mengkritik seseorang Islam yang

lain nasihatnya dan kritikannya hendaklah selari dengan

perintah-perintah dan panduan yang telah diberi oleh Allah *Subḥānahu*

Wa Ta’ālā.

(1) Kita tidak pernah mendengar sebelum hari

ini bahawa sebahagian daripada anggota-anggota jemaah membangkang

penubuhan semula Majlis Penasihat Islam. Apa yang

sebenarnya berlaku ialah sebahagian besar jika tidak

semuanya yang telah meminta penubuhan semula majlis terdiri

daripada anggota-anggota jemaah dan salah satu usaha-usaha

mereka dalam soal ini perjumpaan mereka dengan *mister*

di lapor pengerusi datuk Syed Ibrahim bin Umar al-Sagoff

di Chancery Lane. Mereka meminta supaya pengerusi Majlis

hendaklah seorang Islam dan bukan seperti dahulu

seorang pegawai tinggi kerajaan Inggeris. Datuk

Syed Ibrahim telah menyusul perkara ini dalam majlis

penasihat kerajaan pemerintahan tentera British (B.

M.A) yang mana beliau menjadi salah seorang dua

wakil orang-orang Melayu dan Islam di Majlis tersebut.

Usaha-usaha tersebut telah terus dijalankan oleh beliau

sehingga berjaya. Dan sebelum Majlis Penasihat Islam

ditubuhkan semula Datuk Syed Ibrahim telah menasihatkan

kerajaan supaya meminta nasihat jemaah dalam perkara-perkara

agama Islam sementara penubuhan semula Majlis.

Sungguh pun kita sangat menghormati jemaah

dan jasa-jasanya tetapi apa yang mesti kita tegaskan

bahawa tidak boleh bagi sebarang kerajaan berunding dan

meminta nasihat hanya dengan satu pertubuhan sahaja walau bagaimana pun keagungan pertubuhan tersebut dan memandang supaya kepada pertubuhan-pertubuhan yang lain. Tidak praktikal sama sekali bagi kerajaan untuk berunding dengan pertubuhan-pertubuhan Islam semuanya. Dari itu tidak boleh bagi kerajaan melainkan berunding dan meminta satu majlis sahaja yang mewakili semua golongan dan mazhab-mazhab Islam ini tidak menjadi satu perkara yang ganjil kerana majlis-majlis yang serupa Majlis kita terdapat di banyak negeri yang orang-orang Islam menjadi golongan kecil di negeri itu.

mengenai perkara keanggotaan Majlis tidaklah dapat disempurnakan melainkan dengan cara perlantikan yang selari pula dengan maksud supaya Majlis mewakili semua golongan-golongan dan mazhab-mazhab dalam Islam. Tidak munasabah dan praktikal pendapat yang menyatakan keanggotaan Majlis hendaklah dilaksanakan dengan jalan pilihanraya kerana pilihanraya satu-satunya rancangan yang sangat susah.

Tidak pernah pula dijalankan di mana-mana negeri pun pilihanraya untuk penubuhan majlis yang tugasnya menasihat sahaja. Pilihanraya hanya diadakan kerana penubuhan parlimen, atau perhimpunan undangan. Adakah mungkin bagi kerajaan berunding dengan semua pertubuhan-pertubuhan Islam kerana penubuhan Majlis? Cubalah tuan atau siapa-siapa juga tunjukkan kepada kita satu cara yang praktikal dan membina selain daripada cara yang digunakan sekarang. Cara memilih anggota sekarang ialah jawatankuasa kerja Majlis mengemukakan kepada kerajaan nama sesuai dengan perlembagaan Majlis yang bertujuan kepentingan orang-orang Islam dengan berdasarkan supaya golongan dan mazhab mereka termasuk bilangan yang cukup daripada alim ulama diwakili dalam majlis. **Terpulanglah kepada kerajaan menerima atau menolak nama-nama itu.**

(2) Sesiapa sahaja yang mengetahui tugas-tugas dan kerja-kerja Majlis akan bersetuju bahawa keanggotaan Majlis hendaklah meliputi alim ulama, ahli-ahli undang-undang

mereka yang berpengalaman dalam perkara-perkara ilmu serta ahli yang mewakili bermacam-macam golongan, mazhab dan orang Islam yang banyak bilangannya dalam tentera dan polis. Di Majlis yang ada sekarang dan yang telah lalu, kita dapat bilangan yang cukup daripada alim ulama dan mereka yang mengetahui perkara-perkara agama yang mana mereka semuanya tidak kurang ilmunya dan pengetahuannya daripada alim ulama yang di luar Majlis. Kita sebutkan beberapa nama sebagai contoh sahaja dan bukan untuk meliputi semua. Tuan Syed Abdullah BilFaqih, Tuan Haji Ali bin Muhammad Said, Kiai Haji Mahfuz Dahalan, Tuan Haji Muhammad Sanusi dan Tuan Haji Salih (keduanya keluaran dan mempunyai diploma tinggi daripada al-Azhar al-Syarif.) juga Encik Ahmad bin Muhammad Ibrahim yang hampir hafaz semua bahagian hukum-hukum daripada kitab *Manhaj al-Tolibin* iaitu satu kitab mazhab Syafi'i yang sangat penting dan Datuk Syed Omar al-Sagoff yang telah mempelajari hanya ilmu-ilmu agama Islam dan bahasanya sepanjang masa beliau tinggal dan bernaung di Makkah selama 25 tahun, Tuan Haji Abdullah Basmeh, Ustaz Ahmad Sanhadji, Ustaz Daud Ali, Syed Ali Reda dan lain-lain. Dan telah nyata benar daripada tulisan-tulisan, karangan-karangan, ucapan-ucapan dan nasihat-nasihat yang bercorak agama Islam yang telah dibuat oleh mereka bahawa mereka semua adalah mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai ilmu-ilmu agama Islam. Juga kita dapat beberapa para guru-guru agama yang dipandang tinggi dan mengajar di sekolah-sekolah agama sebagai anggota Majlis.

Tidaklah benar tuduhan yang menyatakan bahawa anggota-anggota Majlis dipilih mengikut sistem kolonial iaitu dengan cara kerajaan memilih amggota-anggota dengan tidak berunding tetapi apa yang sebenar berlaku ialah jawatankuasa kerja Majlis yang mencadangkan nama-nama anggota Majlis dan kerajaan memilih mereka yang disetujui oleh kerajaan dan meninggalkan nama-nama yang tidak disetujui sehingga tahun 1963 dan bagi tahun 1961 dan tahun

1962 anggota-anggota yang telah dilantik bagi tahun 1960 telah dipilih semula dengan tidak dicadangkan oleh jawatankuasa kerja.

(3) Satu perkara yang tidak semoleknya dan praktikal pendapat yang menyatakan anggota-anggota Majlis hendaklah terdiri semuanya daripada alim ulama, kerana dalam menjalankan tugas-tugas Majlis mengenai perkara-perkara agama Islam perlu juga mempunyai anggota-anggota yang berpengalaman dan berkebolehan dalam undang-undang tempatan. Tugas-tugas Majlis ialah membuat lawatan ke masjid-masjid, pertubuhan Islam, tanah perkuburan, memeriksa daging yang dijual dan daging yang disimpan dalam tin yang mana ini semuanya memerlukan anggota-anggota yang berpengalaman dan berkebolehan. Selain daripada itu termasuk dalam tugas majlis mendamaikan dua pihak orang-orang Islam yang bersalah faham dan bertentangan serta mengemukakan laporan mengenai hasil penyiasatan mereka. Dari itu kerap kali anggota-anggota yang bukan daripada golongan alim ulama lebih baik daripada alim ulama terutama yang telah tua di dalam perkara yang tertentu. Bagaimana pun hasil penyiasatan-penyiasatan mereka dikemukakan kepada Majlis yang keanggotaannya meliputi beberapa orang alim ulama yang terkenal masyhur yang payah hendak ditandingi.

(4) Tidak ada satu perkara yang luar biasa dalam perlantikan seseorang seperti Encik Ahmad Ibrahim kerana beliau adalah salah seorang yang sangat aktif dalam lapangan perkhidmatan Islam semenjak 23 tahun dan beliau telah dilantik menjadi salah seorang anggota Majlis sejak 15 tahun dahulu. Inilah sebab-sebab keanggotaannya dan bukanlah kerana beliau Peguam Agung Negara. Juga tidak menjadi perkara luar biasa perlantikan Tuan Haji Muhammad Sanusi Muhammad dan Tuan Haji Salih bin Mat Piah. Kerana mereka kedua-duanya kelulusan pelajaran tinggi agama Islam. Dan inilah yang dituntut oleh tuan sendiri. Mengenai tuduhan bahawa ketiga-tiga orang ini

mempengaruhi anggota-anggota yang lain maka tuduhan ini tidak benar dan tuduhan liar. Semua anggota-anggota majlis dapat membuktikan kepalsuan tuduhan ini. Segala perbahasan-perbahasan di Majlis dijalankan dengan penuh kebebasan dan dikemudikan perbahasan-perbahasan oleh tuan pengurus berdasarkan pengalamannya yang berpuluh-puluh tahun dalam menyandang jawatan ketua dibeberapa pertubuhan besar seperti Jamiyah al-Da‘wah al-Islamiyyah, jawatankuasa-jawatankuasa kolej Islam dan Majlis Penasihat Islam yang beliau menjadi pengurusnya selama 17 tahun. Tidak berasas sama sekali dakwaan yang menyatakan bahawa beliau memonopoli perbahasan bagi dirinya, tetapi beliau tetap menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai seorang pengurus yang mengetahui benar-benar tugasnya, beliau menerangkan kepada Majlis satu-satu perkara yang hendak dibahaskan daripada segala seginya, selepas itu beliau membuka peluang seluasnya bagi tiap-tiap anggota untuk membahaskan sesuatu dalam lingkungan aturan dan peraturan mesyuarat yang biasa diamalkan di mana jua.

Dukacita benar bahawa segala kata-kata dan isi kandungan rencana majalah “Qalam” itu tertulis dengan sewenang-wenangnya sahaja tanpa membuat dan mencatitkan penerangan yang jitu, penetapan dan huraiyan yang tertentu.

(5) Tidak benar apa yang telah dikatakan mufti Johor telah menasihatkan undang-undang Islam mengenai perkahwinan di Singapura sama seperti dengan undang-undang Kristian. Apa yang sebenarnya ialah tuan pengurus Majlis Penasihat Islam telah dua kali pergi ke Johor meminta fikiran dan nasihat mufti tersebut mengenai Rang Undang-undang Islam. Pendapat beliau tidak ada yang tidak disetujuinya dalam Rang Undang-undang Islam melainkan fasal yang membolehkan kerajaan menguasai wakaf-wakaf, memecat nazir-nazir wakaf dan melucutkan kuasa yang telah diberi kepada mereka oleh tuan punya wakaf-wakaf tersebut, kerana nas-nas (penetapan) tuan punya wakaf adalah serupa dengan nas-nas

(penetapan) shara', dari itu sebagai menyahut kehendak-kehendak ramai dan menerima balik fikiran Majlis Penasihat Islam dan Jamiyah fasal-fasal tersebut telah dipinda dengan pindaan-pindaan yang hampir memuaskan semua pihak.

Kita tidak seharusnya melayan dakwaan dan kata-kata sewenang-wenang yang telah ditulis oleh tuan di rencana majalah 'Qalam' itu tanpa adanya huraiyan yang tertentu bahawa orang-orang Islam tidak puas hati dengan undang-undang Islam atau dakwaan yang menyatakan bahawa undang-undang Islam berlawanan dengan syariat melainkan jika diterangkan fasal dan ceraian-ceraian yang tidak memuaskan satu persatu dengan tepat dan jitu dan bukan secara sistematik, umum dan melulu. Pada menggubal undang-undang Islam ini kerajaan telah pun berunding dengan Jamiyah, pertubuhan UMNO dan Majlis Penasihat Islam dan beberapa pindaan itu telah dibuat sesuai dengan beberapa pendapat yang telah diterangkan.

Dalam Rang Undang-undang Islam terdapat beberapa keistimewaan yang baik dan sangat penting, dan sangat panjang jika kita huraikan satu persatu. Di antara keistimewaan-keistimewaan yang baik dan penting payah mendapat seumpamanya di negeri-negeri Islam yang lain.

(6) ika sesuatu perkara di dalamnya tidak syak sebagai satu perkara wajib, fardu atau sunat tidak pernah Majlis menjalankan undi atas perkara tersebut, kerana itu satu perkara yang tidak kena pada tempatnya tetapi jika perkara itu hanya perkara yang harus sahaja dan bukan wajib fardu atau sunat dan didapati ada khilaf pada harusnya membuat beberapa sekatan (bukan larangan sama sekali) kerana ditakuti salah digunakan harusnya perkara itu, maka Majlis mempunyai hak yang penuh menjalankan undi dan menetapkan sesuatu dengan jalan undi yang terbanyak. Perkara harus menetapkan

umur yang sekurang-kurangnya bagi sesuatu perkahwinan dalam perkara-perkara biasa adalah satu masalah khilafiah dan kita dapat beribu-ribu alim ulama Islam di Mesir, Pakistan dan lain-lainnya yang telah berpendapat bahawa umur perkahwinan hendaklah dihadkan berdasarkan kepada menahan sesuatu keburukan dan membawa sesuatu kebaikan iaitu satu kaedah usuliah yang terkenal. Dari itu anggota-anggota Majlis telah mengundi perkara ini tetapi kami anggota Majlis tidak menjalankan sejauh pendapat alim ulama Mesir dan Pakistan dan masih meninggalkan pintu perkahwinan terbuka bagi mereka yang dibawah umur yang dihadkan jika satu keadaan yang tertentu itu mengutamakan perkahwinan itu dijalankan kerana membawa kepada kebaikan. Bukan senang dan tidak menjadi satu langkah yang bijak jika kita mensifatkan ribuan alim ulama itu jahil atau tipis agama mereka.

Satu sebab yang utama yang telah mendorongkan anggota-anggota Majlis supaya menetapkan umur perkahwinan ialah supaya menggalakkan pelajaran. Supaya anak-anak kita semua mengetahui meneruskan pelajaran mereka. Kita semua mengetahui bahawa umur 16 dan 18 tahun tidak membolehkan seseorang mempunyai pelajaran yang cukup. Dari itu patut anak-anak kita dapat diberi peluang dan digalakkan supaya meneruskan pelajarannya jika tidak akibat yang malang akan tertimpa kepada kita, kerana putera dan puteri kita akan ketinggalan dalam lapangan pelajaran dan akan menjadikan mereka bekerja sebagai peon atau amah dirumah-rumah bangsa lain. Seseorang bapa yang mengeluarkan anaknya daripada sekolah sebelum sampai umurnya 16 tahun dengan maksud mengkahwinkannya adalah seorang bapa yang telah salah menggunakan perkara yang hanya harus sahaja. Dari itu dengan maksud yang baik yang bertujuan supaya perkara yang harus sahaja jangan dipersalah gunakan maka lebih baik ditetapkan umur perkahwinan.

(7) Firman Allah *Subḥānahu Wa Ta’ālā: “Innamā al-mu’mīnū ikhwah”* ertinya “orang-orang mukmin adalah saudara” dan firman Allah “*an ja’akum fāsiqūn binabā’i fatabayyānū.*” ertinya “jika seorang fasik membawa satu berita, maka hendaklah kamu selidiki”. Jika ada sesiapa yang telah memberitahu kepada tuan bahawa anggota Majlis yang ada sekarang tidak ada perasaan tanggungjawab atau bersifat penakut kepada tiga atau empat orang anggota lalu terpengaruh oleh mereka dan mengundi mengikut kehendak mereka maka yang telah menyampaikan berita itu kepada tuan telah menyampaikan yang tidak benar adalah fasik, dan menjadi wajib atas tuan menyiasat terlebih dahulu sebelum menuduh saudara-saudara tuan dalam Islam daripada anggota-anggota majlis dengan tuduhan-tuduhan yang liar dan palsu, yang mana merupakan mereka seolah-olah orang yang pengecut, penakut dan tidak mahu



356/8, GEYLANG ROAD,

SINGAPURA, 14.

Tel: 41118

Penerbit buku2 ugama, buku2 sekolah,
buku2 bacaan tambahan bagi
kanak2 dan buku2 bacaan ‘am.
mengambil upah chitak menchitak dengan
harga berpatutan. Berhubong-lah, pasti
memuaskan!

berterus terang dengan kebenaran pada hal apa yang sebenarnya adalah sebaliknya, kerana anggota-anggota Majlis tidak pernah takut kepada kemarahan sesiapa jua pada menegakkan perkara yang hak dan benar dan mereka semuanya mengetahui bahawa perbahasan dalam Majlis dijalankan dengan segala anggota-anggota cergas dan bebas. Dari itu menyebarkan tuduhan-tuduhan itu mengenai mereka adalah merupakan lebih daripada sifat ghibah kerana penyebaran itu mengandungi penghinaan dan pengejilan dan Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā* telah menyuruh kita supaya jangan berghibah, firman Allah “*wa lā yaq̄tab ba’dukum ba’qādā.*” Ertinya; “dan jangan kamu mengata-ngata di antara satu sama lainnya.” Rasulullah pernah menetapkan dan menghuraikan erti ayat ini dengan cara mengajar sahabat-sahabatnya dengan cara soal jawab lalu bersabda junjungan kita kepada sahabat-sahabatnya “mengetahuikah kamu apa ertinya ghibah”, sahabat-sahabat menjawab: “Ghibah itu ialah mengata-ngata saudara kamu dalam Islam dengan perkara yang tidak disukainya.” seorang pula bertanya: “bagaimana pula kalau apa yang saya katakan itu menyimpang benar didapati pada saudara saya itu” jawab lagi junjungan kita: “jika apa yang kamu katakan itu menyimpang terdapat padanya maka kamu telah ghibah terhadapnya dan jika apa yang dicakapkan olehmu memang tidak ada pada saudaramu itu maka kamu telah berdusta terhadapnya.” Hadis ini telah diriwayatkan oleh muslim, Abu Daud, Tarmizi dan al-Nisa’. Sabda lagi junjungan kita: “Seseorang Islam adalah saudara kepada seorang Islam yang lain hendaklah jangan ia tidak menolongnya, jangan menzaliminya dan jangan menghinanya.” Ayat dan hadis-hadis dalam perkara ini sangat banyak.

Kita menarik perhatian tuan kepada suatu perkara iaitu anggota majlis tidak mempunyai apa-apa keistimewaan yang didapati daripada kerajaan dan tidak ada tempat dalam protokol ketua dan anggota majlis melainkan kepenatan

menghadiri mesyuarat penuh Majlis atau mesyuarat jawatankuasa kecilan dan juga kepenatan melawat ke kubur-kubur, ke masjid-masjid, pulau-pulau yang berhampiran dengan Singapura untuk menjalankan sesuatu penyiasatan, menjalankan usaha perdamaian dan memperbaiki satu-satu keadaan dengan mereka membayar segala perbelanjaan kenderaan mereka sehingga kadang-kadang berpuluhan-puluhan batu. Penerimaan mereka keanggotaan Majlis adalah semata-mata di dorong oleh keinginan mereka berkhidmat kerana Allah dan untuk agama Islam yang maha suci, jika tidak sudah tentu mereka tidak akan menerima tugas ini.

Ulasan Kita

Banyak perkara yang ditimbulkan di dalam surat dari Majlis Penasihat Islam ini telah berjawab dengan sendirinya di dalam rencana-rencana yang kita telah ulas dan siarkan di dalam beberapa keluaran yang lalu.

Di dalam rencana pengarang yang kita buat, terang dan jelas kita paparkan bahawa kita menghendaki supaya Majlis Penasihat Islam itu hendaklah menjadi suatu badan yang bebas yang di dalamnya tidak ada ahli-ahlinya daripada pihak-pihak yang berkenaan dengan sesuatu jabatan kerajaan yang berhajat kepada nasihat-nasihat daripada badan itu. Tidak ada erti kalau pegawai-pegawai atau orang-orang yang berkenaan dengan kerajaan duduk di dalamnya sebab dengan sendirinya, sedikit sebanyak, harus pengaruh mereka akan menjadi sebab perkara yang benar tidak akan dapat disebutkan.

Di dalam apa-apa hal pun, ulasan kita tentang perkara-perkara yang berlaku kita yakin banyak mendapat perhatian sehingga dengan kerananya Majlis Penasihat-penasihat Islam sendiri telah pun melantik suatu jawatankuasa seramai tujuh orang dengan diketuai oleh Tuan Haji Mohammed

Javad Namazie. Untuk menyiasat perkara-perkara yang berkenaan dengan peraturan-peraturan yang dijalankan oleh Mahkamah Syariah Singapura. Ini adalah menjadi suatu bukti yang besar bahawa apa yang kita tegur itu bukannya suatu teguran kosong, tetapi adalah suatu teguran yang jitu dan berasas.

Dengan jawapan yang ringkas ini rasanya memadai untuk menjawab surat yang panjang dari ahli-ahli penasihat Islam.

Mengenai tuduhan ghibah, Insha'Allah, kita akan membuat suatu rencana khas untuk menerangkan apakah sebenarnya ghibah itu. Ini lebih baik daripada berosal jawab - Pengarang.

BUKU2 RUMI

*Pendidikan	\$1.20
* Akhlak	1.20
*Surat Menyurat	1.50
Sejarah Perak dahulu dan sekarang	2.00
Penglipor	1.50
Panduan Pekedai2 Kechil	0.70
Balek Dari Medan Perjuangan	1.00
*Jalan ka-Kota Baharu	1.50
Keris Sempena Riau	1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	1.50
Sisa Neraka Dunia	1.00
Buku A.B.C (buku bacaan) di-dalamnya tiga warna	
*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.	

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE: 14